



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

NO. KENYATAAN TENDER : PSUKPP/TENDER/3/2018

1. PELAWAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kepala dan sub-kepala : 210110, 221206 bagi melaksanakan perkhidmatan berikut :-

NO. TENDER	TAJUK
PSUKPP/TENDER/3/2018	PEROLEHAN IMEJ SATELIT BERESOLUSI TINGGI BAGI PANGKALAN DATA PEGIS, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

2. PENDAFTARAN

Syarikat-syarikat yang ingin membeli dokumen tender ini dikehendaki mendaftar melalui **e-Perolehan Negeri** di **Paras 23, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang** dan dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran asal daripada Kementerian Kewangan dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor beserta salinannya dan *business card* (salinan sijil dan *business card* tidak dikembalikan).

3. DOKUMEN TENDER

- 3.1 Dokumen tender boleh dibeli melalui **Sistem e-Perolehan Negeri** di alamat url <http://ep.penang.gov.my>.
- 3.2 Harga setiap dokumen ialah **RM50.00** senaskah. Pembayaran hendaklah dibuat melalui **Sistem e-Perolehan Negeri** di alamat url <http://ep.penang.gov.my>.
- 3.3 Dokumen tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan no. tender di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen tender tersebut mestilah sampai **selewat-lewatnya pada 15 Mei 2018 (Selasa) jam 12.00 tengahari** dan dimasukkan ke dalam peti tender yang terletak di **Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Tingkat 24, KOMTAR, Pulau Pinang**.

4. SKOP RINGKAS TENDER

- 4.1 Membekal imej satelit beresolusi tinggi tahun 2011 bagi Daerah Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan, Daerah Timor Laut dan Daerah Barat Daya Pulau Pinang. Imej yang dibekalkan juga hendaklah meliputi *buffer* sekurang-kurangnya **500 meter dari sempadan daratan negeri dan 5556 meter (3 batu nautika) dari garis pantai negeri.**
- 4.2 Memproses imej-imej yang tersebut di para 4.1 ke dalam satu mozek untuk menghasilkan imej yang *seamless* bagi seluruh negeri Pulau Pinang.
- 4.3 Membekal imej satelit beresolusi tinggi tahun 2008 dan 2009 bagi Daerah Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan, Daerah Timor Laut dan Daerah Barat Daya Pulau Pinang. Imej yang dibekalkan juga hendaklah meliputi *buffer* sekurang-kurangnya **500 meter dari sempadan daratan negeri dan 1852 meter (1 batu nautika) dari garis pantai negeri.**
- 4.4 Memproses imej-imej yang tersebut di para 4.3 ke dalam satu mozek untuk menghasilkan imej yang *seamless* bagi seluruh negeri Pulau Pinang.

PERHATIAN

Maklumat terperinci adalah seperti di dalam Dokumen Tender yang boleh dibeli melalui Sistem e-Perolehan Negeri di alamat url <http://ep.penang.gov.my>.